



SYARAT – SYARAT TEMPAHAN DEWAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

A. SYARAT – SYARAT TEMPAHAN DEWAN

Penyewa mesti mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Jika peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya, pihak LZNK berhak mengambil apa-apa tindakan terhadap penyewa dan permohonan untuk menyewa di masa hadapan tidak akan dilayan.

B. TUJUAN KEGUNAAN

Tujuan yang dibenarkan untuk menggunakan adalah seperti berikut:

- i. Seminar/Kursus/Bengkel
- ii. Mesyuarat/Perjumpaan

C. KADAR SEWA

Kadar sewa dewan dan ruang legar yang ditetapkan untuk penggunaan adalah seperti berikut:

BIL	DEWAN		RUANG LEGAR
	MASA	KADAR SEWA	KADAR SEWA (1 HARI)
1	8.00 a.m – 5.00 p.m	RM 500.00	RM 30.00
2	8.00 a.m – 2.00 p.m	RM 300.00	

D. PEMBAYARAN SEWA

Bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya dua (2) hari dari tarikh penggunaan. Bayaran boleh dibuat secara tunai, cek dan bayaran secara online kepada LZNK. Sekiranya pihak penyewa gagal menjelaskan keseluruhan bayaran sebelum tarikh ditetapkan, pihak LZNK berhak membatalkan kelulusan yang diberi sebelumnya.

E. SYARAT – SYARAT PENGGUNAAN DEWAN

- i. Dewan hendaklah digunakan pada masa dan waktu mengikut kelulusan permohonan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak LZNK.
- ii. Menggunakan dewan dalam keadaan aman dan terkawal.
- iii. Sebarang jenis minuman keras adalah **DILARANG** sama sekali.
- iv. Katerer yang dibawa oleh penyewa **DILARANG** sama sekali untuk membersihkan/membasuh semua peralatan selepas majlis berkenaan di dalam tandas.
- v. Penyewa tidak dibenarkan menebuk dinding, menanggal atau mengalihkan perkakasan dan peralatan yang terdapat di dalam dewan tanpa mendapat kebenaran daripada pihak LZNK.
- vi. Segala kerosakan ke atas harta benda dewan semasa penggunaan akan ditanggung sepenuhnya oleh penyewa. Penyewa akan diminta untuk membayar kerosakan tersebut.
- vii. Penyewa adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan orang ramai. Pihak LZNK tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan/kemalangan yang berlaku.
- viii. Pihak LZNK berhak membatalkan tempahan sekiranya terdapat keperluan majlis rasmi jabatan. Segala bayaran yang telah dibuat akan dikembalikan sepenuhnya tanpa sebarang faedah atau gantirugi dengan syarat pengguna mengembalikan resit asal.



F. PERALATAN YANG DISEDIAKAN:

BIL	PERALATAN	JUMLAH
1	Meja Banquet	10 Unit
2	Kerusi Plastik	400 Unit
3	Sofa	1 Set
4	Sistem Siaraya	1 Set
5	Meja Utiliti	2 Unit

